

16/05/1997

Surat untuk yang dikasihi, muridku

Abdurrahman Haqqi

ASSALAMUALAIKUM. Semoga muridku berada dalam kesejahteraan hidup serta sihat selalu dalam melaksanakan tugas sebagai insan Malaysia yang sedang mengisi era kemerdekaan dengan pelbagai kegiatan yang penuh inovasi dan kreativiti sebagaimana tema Hari Guru 1993 dan 1994.

Seperti baru semalam gurumu menerima suratmu padahal ia sudah berlalu 365 hari iaitu satu tahun. Terima kasih kerana masih mengenang gurumu yang daif ini sempena merayakan Hari Guru tahun lalu yang bertemakan 'Guru Malaysia Teras Pendidikan Bertaraf Dunia'.

Yang dikasihi, muridku. Sebagaimana muridku ketahui bahawa pada tahun ini tema Hari Guru adalah 'Guru Bestari Sekolah Bestari' yang pada hari ini, 16 Mei, dilancarkan sambutannya (oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad) dan berlangsung di Dewan Sukpa, Pahang.

Guru Bestari, seperti dikatakan teman sedarjahmu dulu yang kini menjadi Ketua Pengarah Pendidikan, adalah insan yang memilih profesion perguruan untuk membawa perubahan, bijak menyampaikan maklumat tepat kepada pelajarinya dan pemudah cara penggalakan murid menguasai bidang teknologi. Dengan penjelasan ini, muridku tentunya dapat menangkap juga apa maksud sekolah bestari.

Gurumu percaya bahawa pencapaianmu sekarang tidaklah terlepas daripada apa yang telah muridku peroleh dalam bilik darjah dulu. Tentunya, muridku masih ingat siapa yang mengenalkanmu dengan huruf dari A hingga Z sehingga muridku mengetahui bahawa 'i' ditambah 'b' ditambah 'u' menjadi 'ibu' manakala 'a' ditambah 'y' ditambah 'a' ditambah 'h' menjadi 'ayah'. Dengan itu dapatlah muridku membaca dan menulis.

Tentunya muridku masih ingat siapa yang mengenalkanmu dengan angka daripada 0 hingga 9 sehingga muridku dapat tahu bahawa $1 + 1 = 2$, $1 - 1 = 0$, $1 \times 1 = 1$ dan $1 : 1 = 1$. Dengan itu muridku boleh menghitung dan mengira.

Tentunya muridku masih ingat siapa yang selalu membetulkan pertuturan, penulisan dan karanganmu; tentunya muridku masih ingat siapa yang mengenalkan kepadamu sejarah bangsa dan negara; tentunya muridku masih ingat siapa yang mengajarmu kepelbagaian bangsa dan negara di dunia; tentunya muridku masih ingat siapa yang mengajarmu bahawa unsur 'H₂' jika disenyawakan dengan unsur 'O' akan menjadi air (H₂O); dan tentunya, yang terpenting sekali, muridku masih ingat siapa yang mengajarmu bahawa Allah adalah Tuhanmu, Muhammad adalah Nabimu dan Islam adalah agamamu. Dengan itu muridku telah dibentuk jati diri sebagai insan terdidik dan terpelajar.

Walaupun senarai beberapa kenyataan di atas adalah jasa berharga gurumu dalam dirimu, tetapi, gurumu tidak pernah mempertikaikannya apatah lagi berniat untuk mengambilnya balik kerana gurumu telah memberikannya dengan tulus ikhlas dan penuh amanah. Gurumu memberikannya tanpa mengharapkan muridku pada kemudian hari akan membalas jasa. Cukuplah bagi gurumu andainya ilmu yang diwariskan kepadamu memberikan manfaat kepadamu dan masyarakatmu.

Yang disayangi, muridku.

Seorang temanmu yang telah mengikut jejak gurumu untuk menjadi khadim ilmu, pada Mac lalu ada meluahkan hatinya kepada gurumu dalam suratnya. Dia menulis: "Budak-budak sekolah zaman sekarang memang susah untuk dibentuk. Amat sukar untuk mendidik mereka. Lebih-lebih lagi jika tiada kerjasama ibu bapa. Yang sedihnya media dan kebanyakan pihak asyik

meletakkan kesalahan kepada pendidik. Kebanyakan yang membuat komen itu pula tidak pernah menyertai bidang pendidikan. Tidak pernah berdepan dengan murid-murid sekolah. Alangkah baiknya jika orang yang merasakan diri mereka bijak ini duduk berbincang untuk sama-sama mencari jalan bagi mengatasi masalah itu".

Sungguh suatu luahan hati yang ikhlas daripada seorang pendidik berdedikasi yang berkhidmat di Kelantan. Di situ muridku nampak betapa berat dan susahny menjadi seorang pendidik yang diamanahkan agama, bangsa dan negara untuk membentuk insan yang berguna. Apatah lagi dengan adanya rongrongan dan rungutan pihak luar. Tetapi, perkara ini hanyalah sementara, yang kekal adalah kesinambungan semua lapisan guru untuk bekerja keras mengemban amanah suci dan mulia itu.

Muridku yang berbahagia.

Banyak kawanmu dulu yang sudah membuktikan kejayaan mereka pada hari ini. Kawanmu Mahathir sudah menjadi Perdana Menteri manakala Anwar timbalannya; kawanmu Najib menjadi menteri yang membidangi kerjaya gurumu manakala Hamid tokoh ulama yang negarawan; kawanmu Zahid pemimpin Pemuda manakala Zaharah pemimpin Wanita, kawanmu Daim menjadi salah seorang penasihat ekonomi unggul manakala Allahyarham Yahya usahawannya dan Azman bankernya; ketiga-tiga A Samad kawanmu dengan masing-masing ketokohnya manakala Aziz tokoh Maal Hijrah 1418 dan banyak lagi kawanmu yang mustahil disebutkan satu persatu di sini.

Yang gurumu sebutkan di atas adalah sebagai contoh untuk mendorong agar muridku bersedia untuk menjadi insan Malaysia bestari sebagai hasil dari tema Hari Guru tahun ini yakni 'Guru Bestari Sekolah Bestari' yang siap mengambil alih amanah menjayakan cita-cita wawasan negara pada masa hadapan.

Belajarlh dengan rajin, tekun dan penuh keikhlasan demi mencapai matlamat dan doa gurumu selalu mengiringimu. Semoga Allah selalu memberkati dan mencururkan rahmat-Nya kepadamu, wahai muridku yang dikasihi.

(END)